

## Perang Badar dan Uhud: Satu Analisis Strategi Peperangan dan Pertahanan Nabi Muhammad SAW

Ahmad Azan Ridzuan, Mohd Juraimy Hj Kadir<sup>1</sup>, Hasan Al-Banna  
Mohamed  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Aman Daima Md Zain  
Universiti Sultan Zainal Abidin

Mohamad Zulkifli Abdul Ghani  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### Abstrak

*Kajian ini bertujuan menganalisis strategi peperangan dan pertahanan dalam peperangan Badar dan Uhud yang dipimpin dan dirancang sendiri oleh Nabi Muhammad SAW dalam menegakkan keadilan dan hak asasi kemanusiaan serta menyebarkan syiar Islam. Perancangan Baginda SAW yang teliti dan teratur telah menghasilkan satu jentera perang walaupun kecil tetapi seimbang dan berupaya menghadapi musuh. Strategi berkesan yang digunakan telah memerangkap pihak musuh dalam keadaan yang tidak dijangkakan. Setiap perancangan dan pelancaran operasi ketenteraan telah dipimpin oleh Baginda SAW sendiri. Di bawah kepimpinan Baginda SAW, tentera-tentera Islam telah dididik dan dilatih dengan peraturan moral, keimanan yang teguh bagi menghidupkan keyakinan dalam hati serta mempersiapkan aspek psikologi dan jasmani. Hasil strategi peperangan dan pertahanan yang berlandaskan kepada Al-Quran dan kepimpinan Nabi Muhammad SAW telah menjamin kejayaan tentera Islam. Baginda SAW sangat berlaku adil terhadap tentera pimpinannya, iaitu setiap tindakan ketenteraan yang diambil adalah hasil perbincangan dan rundingan yang dibuat dengan para sahabat. Berdasarkan kebijaksanaan dan kepintaran Baginda SAW, satu undang-undang dan peraturan peperangan telah berjaya dibentuk oleh Nabi Muhammad SAW yang bermatlamatkan keadilan dan tiada penindasan terhadap mangsa serta tawanan perang. Apabila Allah SWT telah membenarkan peperangan, pelbagai prinsip dan strategi telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW melalui konsep peperangan pada zaman Baginda SAW. Konsep tersebut telah mengikut lunas-lunas*

<sup>1</sup> Corresponding author : Mohd Juraimy Hj Kadir, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, e-mail: juraimy@upnm.edu.my

*perundangan, perikemanusiaan dan bukannya bersifat hasad dengki, balas dendam, angkuh dan sombong dengan kemampuan serta kebolehan yang dimiliki. Oleh itu, artikel ini bertujuan menganalisis secara am berkaitan dengan strategi peperangan dan pertahanan, teknik serta taktik dan lain-lain faktor yang diguna pakai sehingga membawa kejayaan yang cemerlang dan menjadi ikutan oleh kebanyakan pemimpin tentera masa kini. Kegemilangan zaman kebangkitan tentera Islam akan kembali menyinar sekiranya umat Islam menghayati dan mengambil pengajaran khususnya strategi peperangan Nabi Muhammad SAW.*

*Kata Kunci: strategi peperangan dan pertahanan, kepimpinan, konsep peperangan, al-Quran*

#### **Abstract**

*The purpose of this study was to analyse some aspect of defence and war strategy in the battles of Badr and Uhud that was being planned and lead by Prophet MuhammadPBUH in ensuring fair justice and human rights for Islamic expansion. His details and well arranged plans had formed up the formidable force to oppose the enemy's threat. The effective strategy by the Prophet MuhammadPBUH had defeated the enemy in the battlefield. The Prophet had successfully imparted the greatness of moral values and strong spirits that molded his soldiers to be psychologically and physically strong. The Muslim soldiers successfully fought in the battlefield due to their embracing of the teaching of al-Koran and learning from the leadership of Prophet MuhammadPBUH. The Prophet outlined laws and rule of war to ensure fair justice and to avoid discrimination among the prisoners of war. For every military action the Prophet MuhammadPBUH applied Musyawarah among his companions. With the message of Allah to go for war, the Prophet MuhammadPBUH had shown proper concept of war such as to follow the laws and rules of war, human rights, justice and not allowing revenge, aggressiveness, and hostilities except against wrongdoers. Therefore, this article highlights the defence and war strategy, techniques and tactics and other relevant factors that led to the victory of Muslim soldiers in the battles.*

*Key words: defence and war strategy, leadership, concepts of war, the holy Koran*

## Pengenalan

Strategi dalam istilah ketenteraan merujuk kepada penggunaan secara praktikal sumber-sumber berharga yang dimiliki oleh sesebuah negara untuk mencapai tujuan mereka melalui kekuatan tentera. Jika timbul sebarang pertelingkahan dalam keinginan masing-masing, ia dapat diselesaikan dengan cara baik, tetapi jika peluang untuk mendapatkan penyelesaian secara baik tidak diperoleh, maka kemungkinan tindakan hanyalah melalui ketenteraan.

Walau bagaimanapun, banyak faktor yang mungkin mempengaruhi keadaan, ruang lingkup dan masa keputusan sedemikian sama ada secara langsung atau tidak. Menurut Clauswitz (1968:249), terdapat lima unsur yang membentuk strategi ketenteraan:

Pertama : unsur moral dan psikologi.

Kedua : saiz komposisi dan organisasi angkatan tentera.

Ketiga : posisi dan pergerakan tentera secara perbandingan dan perhubungan geometri mereka dengan tujuan serta rintangan iaitu susunan geometri.

Keempat : bentuk muka bumi kawasan tersebut dan,

Kelima : saluran bekalan.

Menurut Clauswitz (1968: 269-274) lagi bahawa pentingnya soal kejutan (tindakan yang memeranjatkan), sokongan daripada orang ramai serta moral yang tinggi di kalangan tentera. Beliau juga menekankan pentingnya memiliki kawasan tanah yang lebih baik untuk berperang. Seorang strategis perang yang terkenal sejak zaman berzaman dengan ajaran yang dikenali sebagai 'Prinsip Peperangan' bernama Sun Tzu pernah menyatakan bahawa kebijaksanaan yang tinggi untuk memecahkan pertahanan musuh adalah tanpa berperang (Clavell, 1991: 28-30).

Tambahnya lagi, kepimpinan yang tinggi untuk menghalang rancangan-rancangan pihak musuh yang seterusnya adalah menghalang perjalanan mereka. Taktik ketenteraan seperti aliran air turut diambil perhatian kerana kebiasaannya air akan mengalir dari kawasan yang tinggi ke kawasan yang rendah. Oleh itu ketika peperangan, cara untuk mengelakkan kekalahan ialah melalui kaedah menghalang perkara yang lemah.

Sebagai analoginya, air membentuk alirannya mengikut keadaan tanah yang dialirinya manakala tentera bekerja menentang musuh yang dihadapinya. Menurut Sun Tzu: *'Ketangkasan merupakan inti pati kepada sesuatu peperangan, ambillah kesempatan daripada kecuaihan pihak musuh; iktulah jalan yang tidak disangka oleh pihak musuh dan seranglah kubu-kubu yang tidak dikawal'* (Ong Hean-Tatt, 1994: 115-118).

Rentetan itu, banyak terdapat kajian terhadap pendapat pakar-pakar yang menunjukkan bahawa sesetengah prinsip tertentu telah diakui secara *universal* sebagai kaedah yang paling berkesan untuk memperoleh kemenangan dan kemegahan (Cronin, 1985: 40-49).

### Strategi Peperangan Nabi Muhammad SAW

Perbincangan tentang strategi-strategi peperangan Nabi Muhammad SAW dari sudut pandangan pakar dan ahli profesional dalam bidang ini akan dikupas. Nabi Muhammad SAW sebagai ketua angkatan perang akan mengatur strategi terlebih dahulu pada setiap kali peperangan untuk memastikan kemenangan memihak kepada umat Islam demi menegakkan agama Islam di muka bumi. Baginda SAW benar-benar yakin dengan pertolongan Allah bagi pihak yang benar dan menyeru saudara mara, sahabat dan orang lain kepada keyakinan yang sama. Baginda SAW juga tidak mendatangkan sebarang kerugian kepada pihak-pihak tertentu.

Sebaliknya, Baginda SAW membawa kebaikan dengan mengajak umat manusia kembali kepada Allah SWT bagi menikmati kesejahteraan dan kemakmuran di bawah hukum dan peraturan hidup-Nya serta meninggalkan penyembahan berhala, dan juga perbuatan-perbuatan Jahiliah seperti rasuah, akhlak yang tidak bermoral dan tidak adil.

Oleh itu, ramai antara mereka yang menjadi musuh Baginda SAW yang memaksa Baginda bersama para sahabat meninggalkan kampung halaman untuk mencari perlindungan di Madinah. Meskipun demikian, mereka tetap tidak membiarkan Baginda SAW hidup aman di Madinah lalu memulakan serangan untuk membinasakannya. Golongan Musyrikin mula melakukan pencerobohan dan serangan untuk menghapuskan Baginda SAW bersama keyakinannya. Oleh itu, Nabi Muhammad SAW perlulah mempertahankan agama Islam daripada ancaman-ancaman tersebut.

Tujuan utama strategi peperangan Baginda SAW adalah melindungi keyakinannya serta menghapuskan rintangan yang timbul supaya manusia berkeyakinan terhadap kebenaran. Begitu juga tujuannya dapat menerima dan mengamalkannya dengan bebas tanpa rasa takut atau tertekan seperti Firman Allah SWT:

( وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنْتُمْ أَذِلَّةٌ فَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ )

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam peperangan Badar, sedang kamu berkeadaan lemah (kerana kamu sedikit bilangannya dan kekurangan alat perang). Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah, supaya kamu bersyukur (akan kemenangan itu)” (Surah Ali-Imran: 123).

Firman Allah SWT lagi:

( أُوذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ )

Maksudnya:

“Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan)” (Surah Al-Haj: 39).

Firman-Nya lagi:

( وَمَا لَكُمْ لَا تُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانِ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرْيَةِ الظَّالِمِ أَهْلُهَا وَاجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا وَاجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا )

Maksudnya:

“Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Makkah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) yang zalim, dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh)” (Surah An-Nisa’: 75).

Daripada ayat-ayat di atas jelas matlamat seluruh strategi peperangan Baginda SAW dirancang sebegitu rupa untuk mempertahankan risalah dakwah dengan penglibatan operasi ketenteraan yang minima dan kehilangan jiwa yang paling sedikit. Baginda SAW cuba sedaya upaya berusaha untuk melembutkan perasaan orang Quraisy, Yahudi dan para kabilah lain sama ada melalui hujah, alasan dan pujuk rayu agar dapat berdamai dengan Baginda SAW disebabkan tidak ada keperluan untuk berperang.

Strategi peperangan Baginda SAW berasaskan kepada kajian yang realistik terhadap kekuatan pihak musuh dari segi (i) tenaga tentera, (ii) harta benda, (iii) rancangan dan strategi peperangan, (iv) faktor-faktor geografi, (v) keadaan tanah di persekitaran medan pertempuran dan yang paling penting ialah (vi) moral angkatan tentera itu sendiri (Rahman, 1980: 44-56).

### Strategi Geografi

Nabi Muhammad SAW menggunakan sepenuhnya strategi geografi dalam mengatur rancangan tentera Islam. Baginda SAW menggunakannya secara dinamik dalam operasi tentera dengan mengambil kira kekuatan, mobiliti, strategi serta moral pihak musuh. Strategi geografi boleh dianggap sebagai jambatan kepada rancangan peperangan, rancangan kempen dan rancangan operasi. Kajian dan pengetahuan terhadap strategi geografi membolehkan pembentukan serta pelaksanaan rancangan-rancangan peperangan secara realistik.

Sebelum Baginda SAW memasuki pertempuran, Baginda SAW akan mengambil pandangan para sahabatnya yang terdiri dari kaum Ansar dan Muhajirin. Kaum Muhajirin contohnya telah mencadangkan kepada Baginda SAW untuk terlibat dalam peperangan menerusi ucapan mereka yang baik. Kemudian Ansar menyedari Baginda SAW mahukan pandangan mereka. Lantaran itu, Saad bin Muaz; ketua Ansar berkata kepada Baginda SAW:

“Wahai Rasulullah, kami telah beriman dengan kamu, membenarkan risalahmu. Kami menyaksikan apa yang kamu bawa adalah benar dan kami telah berikan janji juga ikrar untuk mendengar arahan dan taat kepadamu. Oleh itu, teruskan wahai Rasulullah, apa yang kamu mahu. Kami tetap akan bersama kamu. Demi Tuhan yang mengutuskan kamu membawa kebenaran, kalau kamu bantangan kepada kami laut ini, nescaya kami akan mengharunginya bersama kamu. Tiada seorang pun daripada kami yang tercicir. Kami tidak benci untuk bertemu dengan musuh kami besok. Kami kaum yang sabar ketika perang dan jujur (tidak belot) ketika bertemu musuh. Semoga Allah membuatkan sesuatu berlaku kepada kalangan kami yang menggembirakan kamu. Berangkatlah bersama kami dengan berkat Allah”.

Sahabat yang lain turut berucap seumpama itu. Baginda SAW merasa gembira dengan jawapan tersebut, seraya bersabda: “Berangkatlah kamu dengan berkat Allah. Bergembiralah. Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kepadaku untuk berhadapan dengan salah satu kumpulan; sama ada kafilah dagang ataupun angkatan tentera”. Kemudian Baginda SAW berjalan sehingga sampai ke perigi Badar yang paling hampir lalu Baginda SAW berhenti di situ. Lantas al-Hubab bin al-Munzir bertanya: “Wahai Rasulullah! Adakah tempat ini ditetapkan oleh Allah Taala kepada kamu; di mana kamu tidak boleh terkedepan mahupun terkebelakang. Atau ia merupakan buah

fikiran, strategi perang dan tipu helah?” Baginda SAW menjawab: “Bahkan ia berdasarkan buah fikiran, strategi perang dan tipu helah”.

Maka al-Hubab bin al-Munzir mencadangkan kepada Baginda SAW agar berpindah ke tempat lain yang lebih strategik dan membolehkan orang Islam menyekat air Badar sampai kepada orang Musyrik. Oleh itu, Baginda SAW dan para sahabat berangkat sehingga mereka sampai ke tempat yang dicadangkan oleh al-Hubab lalu mereka berhenti di situ. Seterusnya Saad bin Muaz mencadangkan agar dibina sebuah khemah untuk Baginda SAW di belakang barisan tentera Islam. Sekiranya Allah SWT memuliakan kaum Muslimin dengan kemenangan, nescaya perkara itulah yang mereka sukai. Namun jika tewas, Baginda SAW boleh menaiki tunggangannya dan kembali menyertai orang Islam di Madinah (Mustafa as-Sibaie: 1985: 80-81).

Perbincangan secara ringkas terhadap lima unsur strategi yang dinyatakan oleh Clausewitz (1968:288-289) telah mendedahkan bahawa strategi geografi mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan operasi geometri, operasi alam sekitar, kawasan dan sumber serta cara-cara mendapatkan bantuan. Justeru, pemimpin tentera mesti berupaya meramalkan kesan kegiatan ketenteraan dalam aspek strategi geografi di sebarang kawasan secara realistik.

Nabi Muhammad SAW amat menyedari tentang pentingnya faktor-faktor persekitaran terutamanya kawasan yang berbukit-bukau seperti kedudukan Madinah al-Munawwarah itu sendiri serta kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya. Justeru, Baginda SAW sangat berhati-hati dalam membuat penilaian tentang faktor-faktor fizikal dan geografi tersebut dalam hubungannya dengan kecekapan serta keberkesanan dalam operasi mahupun keselamatan anggota tentera.

### **Strategi Menyerang dan Kejutan**

Antara strategi Baginda SAW dalam peperangan ialah strategi serangan mengejut yang melemahkan psikologi anggota tentera serta kekuatan musuh. Strategi kejutan atau memeranjatkan bererti mencipta keadaan pada satu-satu tempat atau masa yang menyebabkan pihak musuh tidak berupaya dan tidak bersedia untuk melancarkan serangan balas. Hal ini dapat dicapai melalui gerakan-gerakan rahsia, tindakan yang menggunakan senjata, serbuan atau serangan secara tiba-tiba dengan menggunakan kaedah yang sesuai.

Segala rahsia pergerakan dan rancangan ketenteraan mestilah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan ke pengetahuan pihak musuh sebelum berada dalam suasana operasi. Pakar ketenteraan Clausewitz (1968: 269-274) menyatakan strategi menyerang dan kejutan dalam banyak kes perlu untuk memenangi sesuatu peperangan.

Pemimpin boleh membuat rancangannya, memilih sasaran mengikut penilaian, objektif dan kehendaknya sendiri, kemudian mengejutkan musuh daripada semua penjuru. Nabi Muhammad SAW amat menyedari tentang betapa pentingnya tindakan yang memeranjatkan yang sepatutnya digunakan dalam operasi ketenteraan kerana ia bukan sahaja menjamin kemenangan yang mudah terhadap musuh, akan tetapi ia juga membantu mengurangkan kehilangan nyawa manusia.

Taktik menyerang telah digunakan oleh Baginda SAW dalam banyak pertempuran, selain dari salah satu strategi ketenteraan, ia juga berjaya mengekalkan pertahanan yang kuat. Apabila pihak musuh melakukan sebarang kesilapan atau menggunakan taktik pertahanan yang salah, Baginda SAW tidak pernah membiarkan peluang tersebut berlalu tanpa menggunakannya secara berkesan bagi faedah kemenangan tentera Islam (Rahman, 1980:44-56).

Dalam peperangan Badar, Baginda SAW sengaja mengelakkan daripada bertempur di kawasan sekitar Madinah dengan bergerak ke arah musuh disebabkan faktor-faktor keselamatan, iaitu untuk meninggalkan keraguan dan menunjukkan bantahan terhadap tindakan musuh serta memperkenalkan unsur-unsur yang memeranjatkan dalam pertempuran dengan mereka. Melalui cara ini, pihak musuh tidak akan mengetahui tujuan dan pergerakan tentera Islam. Mereka hanya mampu meneka apa yang ingin dilakukan oleh Baginda SAW, sedangkan Baginda SAW dan para tentera Islam telah pun tiba di Lembah Badar.

Sebaliknya Baginda SAW mengetahui sepenuhnya bahawa mereka menaruh harapan untuk mencapai kemenangan kepada pasukan berkuda yang diketuai oleh Khalid bin al-Walid dan pasukan tentera yang berjalan kaki pimpinan Abu Jahal. Baginda SAW bebas untuk menyusun barisan pertahanan di sebarang lokasi yang disukainya di Lembah Badar sehingga menjadikan kekuatan tentera berkuda pihak musuh tidak berkesan dan sia-sia (Rahman, 1980:116-117).

### **Sistem Rondaan dan Intipan**

Intipan bererti mendapatkan maklumat pihak musuh berkenaan dengan aspek harta benda, alat-alat persenjataan, pergerakan, rancangan dan tujuan. Ia melibatkan penghantaran kumpulan yang kecil sama ada anggota tentera atau tidak, ke tempat yang dijangka didatangi musuh dengan memberi arahan tentang objektif mereka. Intipan hanya dihantar untuk mengumpulkan maklumat-maklumat yang perlu tentang pihak musuh.



Oleh itu mereka perlu diberi arahan tegas supaya tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti dengan pihak musuh. Apabila maklumat telah diperolehi, memang menjadi tugas perisik untuk mengambil keputusan yang praktikal daripadanya untuk tujuan strategi. Analisa data yang diberi akan menyediakan maklumat-maklumat yang perlu, yang mungkin mempunyai nilai strategi yang tinggi (Rahman, 1980:114-116).

Demi memantapkan lagi strategi peperangan, maka satu sistem perondaan atau intipan yang kerap perlu dibentuk bagi memperolehi maklumat tentang rancangan dan kegiatan musuh supaya pihak Islam dapat melancarkan peperangan secara mengejut atau dalam masa yang singkat (Omar, 1997). Setelah Nabi Muhammad SAW berhijrah ke Madinah, orang Quraisy Mekah sentiasa berdendam dan memastikan bahawa Baginda SAW dan pengikutnya tidak diberi kesempatan untuk hidup dalam suasana aman.

Sekumpulan kecil orang Quraisy sentiasa bergerak di sekitarnya dan kadangkala terlalu hampir dengan Madinah. Rentetan kegiatan permusuhan orang Quraisy tersebut, Nabi Muhammad SAW tidak dapat tidur pada waktu malam, manakala para pengikut Baginda SAW pula tidur bersama-sama dengan senjata. Jadi, untuk keselamatan nyawa dan negeri kediaman mereka, sangat perlu untuk merangka suatu tindakan bagi menghadapi segala bentuk pencerobohan daripada pihak musuh melalui kebijaksanaan, kecekapan dan kekuatan (Rahman, 1980: 114-116).

Oleh yang demikian, Baginda SAW telah menyusun satu sistem peronda bagi mendapatkan maklumat tentang kedudukan pihak musuh, pergerakan, rancangan dan tujuan mereka. Sebagai contohnya, Baginda SAW telah melantik dua orang perisik iaitu Bisbis bin Amru dan Addi bin Abu al-Za'ba untuk menjejaki pihak musuh sebelum berlakunya perang Badar (Omar, 1997).

Nabi Muhammad SAW juga menghantar peronda perisik dalam kumpulan yang berlainan terdiri daripada 15 hingga 30 orang dan peronda penyerang terdiri daripada 50 hingga 500 orang ke sekitar kawasan Mekah, Madinah dan tempat-tempat lain di Semenanjung Arab. Kedua-dua jenis sistem rondaan tersebut membentuk satu sistem komunikasi yang dapat memberikan maklumat tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku di kawasan sempadan dan di sekitar Madinah kepada Baginda SAW Di samping itu, tentera Islam juga dilatih dengan istilah-istilah ketenteraan, tanda-tanda rahsia dan kod perkataan (Rahman, 1980: 112).

### **Ketangkasan dan Kecekapan**

Ketangkasan dan kecekapan dalam melaksanakan rancangan serta kempen ketenteraan sangat penting. Sebarang kelewatan bukan sahaja akan menghilangkan kebaikan yang akan diperoleh, malah kadang-kadang membawa bencana kepada pasukan tentera. Kecekapan yang maksima terutamanya diperlukan apabila pihak musuh mengatasi mereka daripada segi jumlah tentera dan harta benda.

Bagaimanapun, kecekapan mesti sentiasa menjadi kunci kepada semua operasi ketenteraan. Ketangkasan dan pergerakan dalam pelaksanaan sesuatu operasi tentera juga sama pentingnya. Kadang-kadang ketangkasan yang mengatasi pihak musuh boleh mendatangkan hasil yang sangat baik, walaupun pihak musuh mempunyai kelebihan daripada aspek yang lain. Ketangkasan membolehkan sesebuah pasukan tentera menawan pihak musuh pada masa dan tempat yang tidak diduga oleh mereka. Nabi Muhammad SAW memberi perhatian yang berat kepada teknik ini dalam operasi tentera baginda dan sentiasa mengejutkan musuh dengan menangkap pihak yang tidak sempat untuk membuat persediaan (Rahman, 1980: 197).

Nabi Muhammad SAW menunjukkan ketangkasan yang tinggi sama ada dalam gerakan atau ketika melaksanakan rancangan. Pengetahuan Baginda SAW tentang keadaan geografi di kawasan sekitar dan kepintaran Baginda SAW tentang taktik ketenteraan telah menggerakkan ahli-ahli tentera secara tangkas dan selalu menangkap musuh yang tidak menduga tentang kedatangan Baginda SAW seperti dalam peperangan Badar, Ahzab, Khaibar dan Fathu Makkah (Al-'Umari, 2005: 39).

### **Penggunaan Tentera Secara Ekonomik**

Penggunaan pasukan tentera secara ekonomik merupakan satu lagi faktor yang memainkan peranan penting untuk kejayaan seseorang pemimpin tentera merancang strategi peperangan dan pertahanan. Penggunaan harta benda dan tenaga manusia ini perlu dilakukan sedemikian rupa demi untuk mencapai faedah yang maksima. Cara penggunaan seperti ini juga dapat membantu menjimatkan tenaga dan nyawa manusia.

Nabi Muhammad SAW telah mengatur tujuh puluh ekspedisi yang penting untuk menentang kaum Quraisy, Yahudi dan para kabilah Arab yang lain serta dua buah ekspedisi menentang kerajaan Rom. Secara keseluruhannya, Baginda SAW menyusun sebanyak 78 kempen ketenteraan dan dari jumlah tersebut, Baginda SAW sendiri telah mengetuai 28 ekspedisi termasuk sebelas ekspedisi besar menentang kaum Quraisy, Yahudi dan bangsa Rom (Rahman, 1980: 313-314).

Daripada 78 ekspedisi tersebut, 19 ekspedisi dianggotai kurang daripada 20 orang tentera, 12 ekspedisi disertai antara 20 hingga 60 orang, 17 ekspedisi disertai antara 60 hingga 200 orang, 15 ekspedisi dianggotai oleh seramai 200 hingga 500 orang tentera, manakala 14 ekspedisi yang lain terdiri daripada 500 orang tentera Islam. Oleh itu, 48 daripada 78 ekspedisi tersebut disertai oleh kurang daripada 200 orang tentera Islam. Bayangkanlah strategi yang ekonomik dan rasionalnya Baginda SAW menggunakan tenaga tentera orang Islam dalam menghadapi pasukan-pasukan musuh yang sangat kuat yang dibantu oleh kabilah-kabilah Yahudi dan kabilah Arab yang lain dengan pasukan tentera yang sangat besar (Rahman, 1980: 214-219).

Dalam tempoh lapan tahun, Baginda SAW menjalankan kempen ketenteraan, segala peraturan Islam dan keamanan dapat diwujudkan di seluruh Semenanjung Arab. Segala kejahatan serta permusuhan telah berakhir dan digantikan dengan peraturan yang baik dan adil. Segala undang-undang Jahiliyah telah digantikan dengan undang-undang Allah SWT. Bukankah ia merupakan satu mukjizat daripada kebijaksanaan Baginda SAW menggunakan tenaga tentera yang minima untuk mencapai hasil yang maksima? (Rahman, 1992).

### **Strategi Peperangan Dalam Perang Badar**

Peperangan pertama berlaku dalam Islam ialah semasa ekspedisi ke Nakhlah yang terletak antara Mekah dan Taif, iaitu ekspedisi yang kelapan berlaku pada bulan Rejab tahun kedua Hijrah (Hj. Yahaya & Halimi, 1993). Kemenangan tentera Islam dalam Perang Nakhlah telah memperkukuhkan kedudukan politik dan ekonomi orang Islam Madinah dan sekaligus menambahkan keyakinan mereka.

Dalam pada itu, pihak Musyrikin Mekah terus menjalankan aktiviti perdagangan tanpa memperhitungkan kekuatan tentera Islam. Nabi Muhammad SAW diberitahu bahawa kafilah perdagangan Musyrikin Mekah akan melalui kawasan Madinah dalam perjalanan mereka dari Ghazzah, Syam ke Mekah pada pertengahan bulan Ramadan tahun kedua Hijrah. Kafilah perdagangan ini disertai seramai tujuh puluh orang dengan barangan perdagangan bernilai 50,000 dinar yang dipimpin oleh Abu Sufian bin Harb.

Abu Sufian sudah menjangkakan bahawa Baginda SAW akan mengawasi kafilah perdagangannya itu dan mungkin Baginda SAW akan menyerangnya. Sebelum orang Islam tiba, Abu Sufian telah menghubungi Abu Jahal di Mekah untuk mendapatkan bantuan ketenteraan. Abu Jahal dengan segera membawa angkatan tenteranya yang besar seramai 950 sehingga 1000 orang (Hj. Yahaya & Halimi, 1993). Tujuannya bukan sahaja untuk melindungi

kafilah perdagangan Musyrikin Mekah, tetapi untuk memerangkap dan menghapuskan nyawa Baginda dan para sahabatnya.

Pihak Baginda SAW tidak menjangkakan kaum Musyrikin Mekah akan bertindak sedemikian dengan tentera yang begitu besar. Oleh sebab itu, Baginda SAW hanya menyediakan pengikutnya seramai 324 orang (kaum Muhajirin: 86 orang dan kaum Ansar: 238 orang). Orang Islam di bawah pimpinan Baginda SAW telah mengesan gerakan kafilah Musyrikin Mekah.

Oleh sebab tujuan kaum Musyrikin Mekah untuk memerangkap dan menghapuskan orang Islam, peperangan tidak dapat dielakkan lagi. Sebelum pertempuran secara besar-besaran berlaku, seramai enam orang iaitu tiga dari pihak Musyrikin dan tiga dari pihak Islam telah berlawan antara satu sama lain. Pihak Islam diwakili oleh Saidina Ali bin Abi Talib, Saidina Hamzah bin Abd al-Muttalib dan Ubaidah bin al-Harith; sementara kaum Musyrikin pula diwakili oleh Al-Walid, Utbah dan Syaibah. Setelah itu barulah berlaku pertempuran hebat antara kedua-dua pihak. Menurut sumber-sumber sejarah tarikh peperangan Badar berlaku sama ada pada 17 atau 19 atau 21 Ramadan tahun kedua Hijrah (Hj. Yahaya & Halimi, 1993; Al-Maufiri, 2001).

Antara perhitungan Baginda SAW dalam peperangan Badar (Lidin, 2010) adalah seperti berikut:

- i. Peperangan mesti menang. Hal ini demikian kerana pasukan negara baharu Madinah tidak boleh menerima kekalahan kerana jika kalah, ia akan menjadi noktah kepada sebuah negara baharu yang diredai Allah SWT.
- ii. Menghidupkan semangat juang yang tinggi. Situasi semangat tentera Islam yang sudah memilih untuk beriman kepada Allah SWT atau memilih *the Tawhidic way of life* tidak boleh pudar kerana kepudarannya akan melenyapkan *Aqidah Rabbaniyyah* yang baharu diasaskan oleh Baginda SAW.
- iii. Perpaduan di kalangan tentera Madinah mestilah utuh. Apabila gugur syahidnya lapan orang sahabat daripada kalangan Ansar (penduduk asal Madinah) telah menjadi bukti kesungguhan kesetiaan pengikut-pengikut baru yang pernah diucapkan dalam perjanjian Aqabah I dan II sebelum ini, sedangkan golongan Ansar belum pernah mempunyai rekod berkonflik dengan kaum Quraisy Mekah pada sebarang zaman pun.

Berikut adalah strategi utama Baginda SAW dalam mengendalikan angkatan perang di medan Badar (Lidin, 2010):

- i. *Tarbiyyah* (pendidikan) kepada semua anggota tentera bahawa musuh Nabi Muhammad SAW adalah musuh Allah SWT.
- ii. Panglima-panglima musuh wajib dihapuskan terlebih dahulu.
- iii. Selain untuk kegunaan sendiri, telaga-telaga air yang lain mesti dimusnahkan atau dikambus (Omar, 1997).
- iv. Membina sebuah markas sebagai tempat pengendalian perang dan tempat mengeluarkan arahan Baginda SAW serta tempat yang selamat daripada serbuan musuh.
- v. Solat tidak boleh ditinggalkan walaupun dalam peperangan dan ia boleh dilakukan secara solat sambil duduk atau solat ketika berperang.
- vi. Meningkatkan semangat para tentera dengan tawaran Syurga kepada yang Syahid.

### **Proses Berlakunya Perang Badar**

Nabi Muhammad SAW telah diizinkan berjihad dan berperang menentang musuh apabila turunnya ayat-ayat al-Quran dalam Surah al-Baqarah, ayat 19 dan Surah al-Hajj, ayat 39-40. Nabi Muhammad SAW mengetahui tentang kafilah perdagangan Quraisy pimpinan Abu Sufian yang kembali dari Syam ke Mekah. Kafilah tersebut akan melalui kawasan persisiran kota Madinah.

Justeru itu, bagi menyekat aktiviti perdagangan kaum Musyrikin tersebut; Baginda SAW mengarahkan para sahabatnya menyiasat kafilah tersebut. Manakala pihak Abu Sufian pula mendapat tahu tentang rancangan orang Islam itu, lalu beliau telah menghantar Dhamdham bin 'Amr al-Ghifari untuk meminta pertolongan daripada penduduk-penduduk Mekah (al-Buty, 1991: 156). Tentera Quraisy dari Mekah di bawah pimpinan Abu Jahal segera datang membantu Abu Sufian. Orang-orang Islam yang pergi menyiasat kafilah Abu Sufian tidak mengetahui tentera bantuan daripada Abu Jahal yang ramai itu. Mereka terus mara sehingga bertemu dengan pihak musuh di lembah Badar. Mereka berasa terkejut apabila melihat tentera musuh kerana tujuan sebenar bukanlah untuk berperang.

Pada saat itulah, Baginda SAW mula merangka taktik dan strategi peperangan dan seterusnya berdoa kepada Allah SWT bagi mendapatkan pertolongan dan perlindungan. Melalui taktik dan strategi peperangan serta kewujudan penyatuan dan keyakinan di kalangan tentera-tentera Islam dengan pertolongan Allah SWT menyebabkan umat Islam mencapai kemenangan dalam peperangan tersebut.

### **Kesan Peperangan Badar**

Tentera Islam mencapai kemenangan yang besar daripada peperangan yang pertama iaitu Perang Badar. Tercatat dalam Sirah bahawa seramai tujuh puluh orang kaum Musyrikin telah terbunuh. Mereka adalah terdiri daripada para pahlawan Musyrikin yang handal termasuklah Abu Jahal dan Umaiyah bin Khalaf (Hj. Yahaya & Halimi, 1993). Di samping itu, seramai kira-kira tujuh puluh orang lagi daripada kaum Musyrikin telah ditawan. Semua tawanan itu telah diberikan layanan yang baik oleh Baginda SAW.

Manakala di pihak tentera Islam pula, seramai empat belas orang gugur syahid. Orang tawanan Musyrikin Mekah telah dikenakan bayaran wang tebusan mengikut kadar kemampuan masing-masing. Sementara harta rampasan perang dibahagikan sama rata kepada peserta peperangan setelah satu perlima daripadanya diperuntukkan terlebih dahulu kepada Baginda SAW dan kaum keluarganya, anak-anak yatim, para fakir miskin dan lain-lain yang memerlukan pertolongan termasuklah penuntut ilmu (Mafhum Surah al-Anfal, ayat 41).

Kesan berikutnya ialah penyingkiran kaum Yahudi Bani Qainuqa' dari Madinah. Kaum Yahudi tersebut cuba memperkecilkan kemenangan dan kebolehan orang Islam dalam perang Badar. Mereka seterusnya mencabar Baginda SAW untuk menentang mereka. Akhirnya kaum ini telah disingkirkan dari kota Madinah ke Syam setelah rundingan dibuat oleh Baginda SAW dengan para sahabatnya. Namun begitu, golongan Yahudi ini telah dibenarkan membawa harta benda bersama-sama ketika berpindah ke Syam.

Selain daripada itu, peperangan Badar merupakan ujian kepada umat Islam yang mengajar mereka erti pengorbanan pada jalan Allah SWT dalam keadaan yang serba kekurangan dan kelemahan. Umat Islam turut juga diuji dengan harta rampasan perang di hadapan mereka ketika keadaan mereka yang miskin dan berhajat kepada harta. Kemenangan yang diberikan oleh Allah SWT kepada umat Islam ini sebenarnya mempunyai hikmah yang tertentu iaitu tarbiyah Ilahi untuk menguatkan hati dan keimanan terhadap Allah SWT (al-Buty, 1991: 165).

### **Analisa Kesan Peperangan Badar**

Kejayaan diperoleh melalui pemilihan ketua yang berdedikasi serta berwibawa untuk memimpin tugas besar amat diperlukan. Selain itu juga, berfikiran terbuka dan berpandangan jauh dalam merancang strategi juga memainkan peranan yang amat penting. Hal ini terutamanya ketika berhadapan dengan musuh yang sudah sememangnya mempunyai perancangan yang tersusun rapi. Tetapi harus diingatkan bahawa sebaik

mana pun perancangan kita, jangan pernah lupa pada perancangan Yang Esa kerana sesungguhnya Allah SWT adalah sabaik-baik perancang. Di samping itu juga, keimanan serta ketakwaan yang tinggi kepada Allah SWT asas segala kejayaan dunia dan akhirat serta sentiasa yakin dengan bantuan dan janji-janji yang telah diungkapkan kerana sesungguhnya Allah SWT tidak akan pernah mengingkari janji-Nya.

Kemenangan Islam ini tidak disenangi oleh pihak Yahudi di Madinah, khususnya Bani Qainuqa' dan kaum Musyrikin di Mekah. Oleh sebab kaum Yahudi telah cuba memperkecil kejayaan ini, maka mereka pun telah dihalau dari Madinah. Penyingkiran kaum Yahudi dari Madinah berdasarkan wahyu Allah SWT, kerana dikhuatiri mereka akan melakukan pengkhianatan. Malah sikap mereka memperkecil orang Islam Madinah dan memihak kepada kelompok Musyrikin Quraisy merupakan suatu pelanggaran perjanjian yang termaktub dalam piagam Madinah. Kekalahan pihak Musyrikin Mekah ini juga menyebabkan mereka tidak lagi menjadi kuasa yang teragung di Semenanjung Tanah Arab. Malah, kalangan kaum Quraisy sendiri mereka mula meragui kebenaran kepercayaan warisan nenek moyang dan mula memikirkan tentang kesahihan ajaran Islam. Bagi pihak Musyrikin Mekah, kemenangan tentera Islam menyebabkan mereka menaruh dendam terhadap orang Islam. Dendam tersebut dimanifestasikan dalam peperangan berikutnya, iaitu Perang Uhud.

### Strategi Peperangan Dalam Perang Uhud

Kemenangan orang Islam dalam Perang Badar telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam jiwa kaum Musyrikin Mekah. Dengan kekalahan ini, puak Musyrikin Mekah bercita-cita untuk membalas dendam. Tindakan membalas dendam dilakukan secara diam-diam dan terang-terangan oleh mereka dan kunci-kuncunya seperti Ikrimah bin Abu Jahal, Safuan bin Umaiyah, Abu Sufian bin Harb dan Abdullah bin Abi Rabiah (Omar, 1997).

Pada akhir tahun kedua Hijrah, kaum Musyrikin Mekah telah mengumpulkan tentera seramai antara empat puluh hingga dua ratus orang dibawah pimpinan Abu Sufian untuk menyerang kota Madinah. Sebelum sampai di Madinah mereka menarik diri kerana takut diserang balas oleh tentera Islam. Ekspedisi ini dinamakan *Ekspedisi al-Sawiq* (Hj. Yahaya & Halimi, 1993).

Nabi Muhammad SAW telah memimpin tenteranya bagi menentang suku-suku dari kaum Musyrikin Mekah dalam tiga ekspedisi pertama. Ekspedisi-ekspedisi ini boleh dianggap sebagai satu ujian bagi meninjau kekuatan masing-masing. Setelah beberapa ujian dilakukan akhirnya berlakulah pertempuran besar di Uhud.

Perang Uhud berpunca daripada rasa kecewa dan ingin membalas dendam di kalangan kaum Musyrikin Mekah disebabkan kekalahan mereka di Badar dan beberapa ekspedisi selepasnya. Kekecewaan yang dirasakan itu bukanlah semata-mata kerana ramainya pejuang-pejuang handalan mereka terbunuh atau ditawan atau kerana kerugian harta benda yang dirampas oleh tentera Islam; akan tetapi yang lebih penting disebabkan nama dan maruah mereka sudah terjejas kerana selama ini mereka berasa kuat dan gagah.

Kaum Musyrikin Mekah telah mengumpulkan tenteranya dari kota Mekah dan luar kota Mekah untuk menghadapi tentera Islam sehingga mencapai jumlahnya tiga ribu orang. Tentera ini dilengkapi dengan peralatan senjata bersama tiga ribu ekor unta dan dua ratus ekor kuda serta harta bernilai lima puluh ribu dinar dan juga tujuh ratus baju besi yang semua dikendalikan oleh Abu Sufian sendiri. Mereka bertolak dari kota Mekah pada 25 Ramadan tahun dua Hijrah menuju ke utara dan sampai di Uhud pada 5 Syawal tahun ketiga Hijrah.

Berita ini telah disampaikan kepada Baginda SAW dan kemudiannya mengadakan mesyuarat di kalangan penduduk Islam Madinah. Dalam mesyuarat itu, perbincangan terbahagi kepada dua pendapat; Pertama, kumpulan yang mencadangkan supaya menyerang balas dan pendapat kedua pula mencadangkan supaya bertahan sahaja di kota Madinah. Pada mulanya Baginda SAW setuju dengan pendapat yang kedua, tetapi oleh sebab majoriti mahukan menyerang balas, maka baginda bersetuju pula dengan pendapat yang pertama. Tentera Islam seramai seribu orang pimpinan Baginda SAW (iaitu seratus orang memakai baju besi dan lima puluh orang tentera berkuda) telah bertolak dari Madinah untuk bertembung tentera Musyrikin Mekah di Uhud (Omar, 1997).

Sebelum peperangan berlaku, seramai sepertiga daripada tentera di bawah pimpinan Abdullah bin Ubai bin Salul (ketua kaum munafik) telah keluar dari barisan tentera Islam dan kembali ke Madinah. Perbuatan Abdullah bin Ubai tersebut mencerminkan sikap kaum munafik yang tidak jujur dan ingin melihat tentera Islam berpecah dan tewas di tangan musuh. Mereka inilah merupakan golongan yang mencadangkan pendapat kedua agar bertahan di kota Madinah.

Oleh sebab pandangan mereka ditolak, golongan ini berasa marah dan tawar hati untuk berperang bersama-sama Baginda SAW. Kemungkinan juga mereka kurang yakin untuk mencapai kemenangan setelah mengetahui jumlah pihak musuh tiga kali ganda lebih besar daripada jumlah tentera Islam. Namun begitu, Baginda SAW dan tentera-tentera Islam yang setia tetap meneruskan perjuangan. Setelah itu, Baginda SAW telah membahagikan tenteranya kepada tiga pasukan iaitu kumpulan pertama diketuai oleh pasukan Muhajirin



(Mus'ab bin Umiar al-Abdari), pasukan kedua diketuai Asyad bin Hudair (puak Aus) dan ketiga pasukan puak Khazraj (al-Hubbab bin al-Munzir). Akhirnya, mereka bertemu dan bertempur dengan kaum Musyrikin Mekah di kawasan bukit Uhud pada hari Sabtu 7 Syawal tahun tiga Hijrah. Adapun tentera Islam berlingung di lereng bukit Uhud serta dikawal oleh 50 orang tentera pemanah di puncak bukit tersebut yang diketuai oleh Abdullah bin Jabir al-Ansari.

Menurut Sirah Nabawiyyah pada peringkat awal peperangan, kemenangan adalah di pihak tentera Islam. Namun pada saat akhir berlaku sebaliknya. Kekalahan tentera Islam adalah berpunca daripada sikap sesetengah tentera Islam sendiri, khususnya pasukan pemanah yang telah meninggalkan lokasi masing-masing demi kerana mengejar harta rampasan perang. Mungkin mereka terlalu yakin dengan kemenangan yang mereka alami seperti dalam perang Badar yang lalu. Akibatnya mereka bersikap alpa serta terperangkap yang akhirnya tertewas di tangan tentera Abu Sufian dan Khalid bin Al-Walid.

Dalam perang Uhud ini, seramai kira-kira tujuh puluh orang Islam telah gugur syahid termasuklah Saidina Hamzah, bapa saudara Nabi. Perang ini telah memberikan banyak pengajaran kepada umat Islam sama ada dari segi mental mahupun dari segi psikologi. Allah SWT tidak akan melindungi umatnya yang tidak mematuhi ajaran Allah SWT dan Rasul-Nya. Sebaliknya, pihak musuh berhak mencapai kejayaan kerana kelalaian dan kealpaan orang-orang Islam itu sendiri. Dengan kemenangan ini, kaum Musyrikin mula mengatur taktik dan strategi ketenteraan yang lebih jitu bagi tujuan menghapuskan umat Islam dan Baginda SAW pada masa hadapan.

### **Hikmah Dan Pengajaran Peristiwa Uhud**

Imam Qastalani (2004: 411-412) dalam kitabnya *Mawahibul al-Laduniah* mengatakan bahawa kesan perang Uhud mengandungi banyak faedah dan hikmah-hikmah ketuhanan. Antaranya yang pertama ialah menggambarkan kepada sekalian kaum Muslimin betapa buruknya akibat maksiat atau menderhakai sesuatu perintah Baginda SAW dan akibat melakukan perkara yang dilarang oleh Rasul seumpama perbuatan empat puluh orang barisan pemanah yang melanggar aturan dan ketentuan-ketentuan Rasul di Uhud.

Kedua, tujuan sebenar berperang ialah hendak menegakkan kalimah Allah SWT. Akan tetapi sebahagian sahabat yang terdiri daripada empat puluh orang itu, berperang kerana mahukan habuan dunia. Menurut keterangan seorang sahabat Nabi iaitu Ibnu Mas'ud yang mengatakan beliau belum pernah melihat seorang sahabat Baginda SAW mengerjakan sesuatu kerana berkehendakkan dunia sehinggalah dalam peristiwa Uhud (Abbas, 1988).

Hikmah yang ketiga menjelaskan bahawa Rasul pada umumnya menerima percubaan, tetapi kemenangan terakhir adalah tetap di pihak mereka. Dengan adanya peristiwa percubaan seperti ini, terpisahlah orang yang baik hatinya, bersih imannya dari golongan yang lain sehingga agama Islam dapat direalisasikan dengan lancar. Demikian juga sekiranya nabi-nabi dan para rasul itu sentiasa kalah dalam peperangan, nescaya tiada lagi orang yang ingin mengikutinya.

Seterusnya hikmah keempat; sejak peristiwa Uhud, kaum Muslimin umumnya lebih mengetahui siapa yang sebenarnya kawan dan siapa yang lawan, serta siapa yang ragu-ragu apabila terjadi hal-hal atau peristiwa yang besar sehinggakan perkembangan masa depan mudah dihadapi oleh kaum Muslimin. Hal ini demikian kerana besar sekali erti peristiwa Uhud ini untuk memberikan nilai-nilai seseorang kawan ataupun lawan kepada seluruh sahabat yang tidak sama fahamannya terhadap musuh-musuh dalam selimut (Mustafa As-Sibaie, 1985).

Adapun hikmah terakhir, Allah SWT telah menyediakan tempat-tempat yang mulia dan kesenangan yang tiada bandingan sama ada secara lisan ataupun tulisan pada hari akhirat nanti. Sesungguhnya untuk sampai ke akhirat tersebut, Syahid merupakan satu-satunya jalan yang sebenarnya. Oleh kerana itu, Allah SWT telah mengadakan peristiwa-peristiwa seperti ini bagi membukakan jalan-jalan nikmat dan bahagia kepada sahabat-sahabat yang terlibat dalam medan peperangan kerana Allah SWT.

### **Analisa Kesan Peperangan Uhud**

Antara kesan buruk yang mungkin timbul di kalangan umat Islam sendiri berikutan kekalahan dalam Perang Uhud ialah krisis keyakinan terhadap kepimpinan Baginda SAW. Antara persoalan yang ditimbulkan ialah apakah Baginda SAW benar-benar seorang pesuruh Allah, setelah Allah SWT memberikan kemenangan kepada kaum Musyrikin dan tidak kepada orang Islam yang memperjuangkan agama Islam. Persoalan ini sering ditimbulkan oleh kaum Yahudi dan kaum munafik dengan tujuan memecah belah dan melemahkan semangat perjuangan umat Islam.

Bagi mereka yang kurang faham dan kurang yakin terhadap Islam sudah tentu terpengaruh menjadi murtad atau keluar daripada agama Islam. Walaupun tentera Islam tertewas dalam medan peperangan Uhud, namun dari aspek perjuangan sebenar, mereka masih belum tewas kerana tujuan sebenar kaum Musyrikin Mekah dalam peperangan ini ialah untuk menamatkan nyawa Baginda SAW dan masyarakat Islam Madinah, akan tetapi tujuan tersebut tidak tercapai. Fenomena ini sudah tentu memberikan keyakinan dan peluang kepada orang Islam untuk memulihkan kekuatan dan kedudukan mereka.

Pihak Quraisy terlebih dahulu berundur dari medan perang dan mereka berhenti rehat di Abwa'. Pada masa itu, mereka baru terfikir bahawa kemenangan mereka tidak memberi makna apa-apa kerana mereka tidak mendapat memasuki Madinah, tidak dapat membunuh nabi, tidak dapat membunuh Saidina Abu Bakar dan Umar, tidak mendapat harta rampasan perang dan tawanan. Pada masa itu, mereka berazam untuk berpatah balik menuju ke Madinah tetapi Nabi SAW dari awal lagi dapat mengesan strategi mereka lalu bertindak menghantar perisik dan menyuruh tentera yang menyertai perang Uhud bersedia menuju ke Hamra Al-Asad. Akhirnya, pihak Quraisy tidak berjaya menyerang kembali tentera Islam dan Madinah (Zulkifli, 2007: 196).

### Kesimpulan

Kedua-dua peperangan yang disertai oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan para sahabatnya sama ada di Badar ataupun Uhud, mempunyai banyak contoh teladan serta strategi-strategi peperangan dan pertahanan yang boleh diambil iktibar khususnya bagi para pejuang negara yang ingin mendaulatkan Syariat Islam.

Kedua-dua peristiwa besar itu menggambarkan kepada umat manusia betapa kepimpinan sangat memainkan peranan yang besar dan terpenting bagi kelangsungan sesebuah organisasi, masyarakat atau negara mencapai kejayaan atau sebaliknya. Perancangan dan strategi yang tersusun amat diperlukan disamping mesyuarat untuk memilih pandangan yang tepat dalam peperangan. Akhir sekali kepentingan mematuhi segala ketetapan yang dipilih dalam mesyuarat dan kepatuhan kepada arahan ketua menjadi tunjang asas kepada kemenangan.

### Rujukan

- Abbas, H. Zainal Ariffin. (1988). *Sejarah dan perjuangan nabi Muhammad*. (Jilid 5). Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Al-'Umari, Abdul Aziz Ibrahim. (2005). *Aba'ad idariyyah wa iqtisodiyah wa ijtimaiyyah wa taqniyyah fi as-sirah an-nabawiyah*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.
- al-Buty, Muhammad Sa'id Ramadhan. (1996). *Fiqh al-sirah al-nabawiyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Khinani, Aii. (1994). *Islam tentang perang dan damai*. Singapura: Pustaka National.
- Al-Maufiri, Abu Muhammad Abdul Malik bin Hisyam. (2001). *Perang Badar al-Kubra: Dari sirah nabawiyah Ibnu Hisyam'*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

- Clauswitz, C.V. (1968). *On War: Edited with an Introduction by Anatol Rapport*. Great Britain: Penguin Books.
- Clavell, J. (1991). *The Art of War Sun Tzu*. London: Hodder & Stoughton.
- Cronin, P.M. (1985). Calusewitz Condensed. *Military Review*. August.
- Hj Yahaya, Mahayuddin & Halimi, Ahmad Jelani. (1993). *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Imam Qastalani, Ahmad bin Muhammad. (2004). *Mawahibul laduniah*. Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- Jabatanarah Kor Agama ATM. (1990). *Kepimpinan tentera menurut pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Jabatanarah Kor Agama ATM.
- Lidin, Daruis. (2010). Menyingkap strategi perang yang disusun oleh nabi Muhammad SAW. *Zulfaqar: Jurnal Asia Pertahanan dan Keselamatan*, 1 (1).
- Mustafa As-Sibaie. (1985). *Al-sirah an-nabawiyah, durus wa 'ibar*. Beirut: Al-maktab al-Islami.
- Naufal, Abdul Razak. (1997). *Nabi Muhammad SAW*. Singapura: Pustaka National.
- Omar, Muhamad Ramzi. (1997). *Iktibar jihad Rasulullah*. Kuala Lumpur: Kor Agama Angkatan Tentera.
- Ong Hean-Tatt. (1994). *Beyond Sun Tzu's Art of War: The confucian "Way"*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.
- Rahman, Afzalur. (1992). *Ensiklopedia sirah*. (Jilid 1). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman, Alfazlur. (1980). *Muhammad as a Military Leader*. The Muslim Schools Trust London: Pustaka Nasional.
- Rahman, Alfazlur. (1990). *Muhammad SAW Panglima Tentera*. Shah Alam, Selangor: Penerbitan HIZBI.
- W. Ahmad, W. Yahaya. (1995). Sistem ketenteraan kerajaan Madinah pada zaman nabi Muhammad SAW. *Jurnal Usuluddin*, 3.
- Wahab, Adek Awang. (1996). *Berjihad menegakkan Islam*. Kuala Lumpur: Preston Press.
- Zulkifli Mohd Yusuf & Nor Naemah Abdul Rahman. (2007). *Biografi Muhammad bin Abdullah*. Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Ahmad Azan Ridzuan  
 Mohd Juraimy Hj Kadir  
 Hasan Al-Banna Mohamed  
 Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan  
 Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
 azan@upnm.edu.my  
 juraimy@upnm.edu.my  
 hasanalbanna@upnm.edu.my

Aman Daima Md Zain  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
amandaima@unisza.edu.my

Mohamad Zulkifli Abdul Ghani  
Jabatan Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
mohdzulkifli@ukm.my

